



En. Zol Bahri Razali

Temubual ini disediakan semasa En. Zol Bahri Razali memegang jawatan sebagai Dekan PPK Mekatronik. Sekarang beliau merupakan Penyelaras Unit Kualiti.

Assalamualaikum w.b.t. Ribuan terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama MyKUKUM pada kali ini. Selaku Dekan di PPK Mekatronik ini dapatlah kiranya En. Zol menceritakan serba sedikit tentang PPK ini?

Walaikummussalam wbt. Sebagaimana yang kita semua maklum, PPK Mekatronik merupakan salah sebuah pusat pengajian daripada 6 buah pusat pengajian akademik di KUKUM. Pusat Pengajian (PP) yang awal adalah PPK Mikroelektronik dan PPK Komputer dan Perhubungan. PPK Mekatronik telah ditubuhkan pada 1 March 2003 iaitu bermula dengan perantikan saya sebagai Dekan PPK Mekatronik dan beberapa orang staf akademik telah ditempatkan di PP ini. Bermula tarikh tersebut dengan dibantu oleh Timbalan Dekan, Puan Saufiah Abd. Rahim dan juga 3 org PLV, kami telah mengerakkan PP ini dan bersedia menerima kemasukan pelajar sulung Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik) pada ambilan Jun 2003/04.

Dalam ambilan pertama itu seramai hampir 70 orang pelajar telah diterima masuk. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar lulusan STPM, Matrikulasi termasuk beberapa orang pelajar lepasan diploma. Sehingga kini bilangan pelajar PP ini melebihi 120 orang termasuk pelajar ambilan kedua iaitu Jun 2004/05. Terdapat juga beberapa orang pelajar lepasan diploma yang masuk ke tahun pertama ambilan Nov 2003/04. Kurikulum bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik) telah dibangunkan sebelum saya bertugas di sini lagi. Oleh itu saya dan pasukan Mekatronik bertanggungjawab melaksanakan kurikulum tersebut. Walaupun program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik) telah dilaksanakan berdasarkan kurikulum sedia ada, namun kajian semula telah dilaksanakan secara berterusan dan beberapa perubahan telah dibuat. Sesetengah daripada perubahan ini melibatkan pusat-pusat pengajian yang lain. Sebagai contoh jika satu pusat pengajian mengubah kandungan sesuatu subjek yang mana subjek itu melibatkan PPK Mekatronik maka kita juga terlibat sama dalam perubahan tersebut. Sehingga kini kita masih terus menyemak atau melihat semula kurikulum-kurikulum tersebut dan cuba menambah baik khususnya bagi memenuhi keperluan EAC iaitu bagi mendapatkan pengiktirafan EAC.

Memandangkan metodologi pengajaran dan pembelajaran di sini yang berkonsepkan praktikal, maka banyak makmal-makmal yang perlu dibangunkan. Bagi setiap subjek yang diajar, perlu diikuti dengan amali di makmal. Oleh itu Pusat Pengajian ini telah

membangunkan beberapa buah makmal. Memandangkan program yang ditawarkan ini banyak mengambil subjek-subjek yang ditawarkan oleh PP lain, jadi bilangan makmal yang disediakan oleh PPK Mekatronik tidaklah terlalu banyak. Dengan kata lain PP ini hanya membangunkan makmal bagi subjek yang ditawarkan oleh PP ini sahaja.

Dari segi bilangan staf, setakat ini kita telah mempunyai seramai 26 orang staf berbanding 5 orang pada peringkat awal penubuhannya. Agihan staf sekarang ialah 10 orang pensyarah, 7 orang PLV dan 10 orang staf pentadbiran.

Sehingga kini apakah program-program akademik yang ditawarkan oleh PPK Mekatronik dan bagaimanakah En. Zol melihat akan kepentingannya kepada pelajar apabila melangkah ke alam kerjaya kelak?

PPK Mekatronik telah menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik) mulai ambilan Jun 2003/04 dan Jun 2004/05. Pada ambilan yang akan datang iaitu pada ambilan Jun 2005/06 PPK Mekatronik akan menawarkan satu lagi program iaitu program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal). Pada pandangan saya kedua-dua program ini amat penting bagi sebuah negara yang membangun. Kita lihat di industri-industri sekarang ini hampir keseluruhan industri menggunakan sistem mekanikal dengan bantuan elektronik, yang seterusnya gabungan ini dikenali sebagai sistem mekatronik. Hatta industri kecil dan sederhana juga menggunakan sistem seumpamanya.

Oleh kerana hampir keseluruhan industri menggunakan sistem mekatronik, maka industri-industri tersebut amat memerlukan tenaga pekerja mahir yang mahir dalam kedua-dua bidang mekanikal dan elektronik. Jadi ini merupakan satu peluang kepada pelajar yang mana mereka mempunyai peluang yang cerah untuk berkerja dalam industri tersebut.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa hampir keseluruhan program kejuruteraan yang ditawarkan di KUKUM adalah untuk menyediakan tenaga kerja mahir atau jurutera yang mahir bagi memenuhi keperluan-keperluan di industri.



Oleh itu dengan penawaran dua program ini kita menjangkakan pelajar-pelajar kita nanti akan menggunakan kemahiran yang ada pada mereka bagi persediaan mereka untuk bekerja dalam industri-industri. Selain daripada itu, mereka digalakkan bekerja sendiri atau membuka perniagaan sendiri dalam bidang keusahawanan teknologi.

Bagi memenuhi kehendak industri, semasa merangka struktur dan silibus, PP telah menjemput pihak industri untuk memberi maklum balas supaya struktur yang dirangka atau subjek yang ditawarkan memenuhi kehendak industri terkini. Sebagai contoh sebelum kita menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal) PP telah menjalankan market survey daripada industri-industri dan hampir kesemua maklum balas yang diterima bersetuju agar program tersebut ditawarkan. Malahan sesetengah industri mencadangkan kandungan subjek-subjek untuk ditawarkan. Dengan kata lain, program yang ditawarkan dan graduan yang dihasilkan daripada program tersebut adalah memenuhi kehendak industri. Oleh itu saya berkeyakinan bahawa pelajar-pelajar dari PP ini mempunyai peluang yang cerah dan mudah melangkah ke alam kerjaya apabila mereka menamatkan pengajian.

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam dunia akademik, apakah pandangan En.Zol akan senario pembelajaran dan pengajaran di KUKUM yang masih muda ini?

Pada pandangan saya sebagai seorang kakitangan akademik yang telah melibatkan diri dalam bidang akademik melebihi 13 tahun, senario pengajaran dan pembelajaran di KUKUM agak berbeza dan mungkin terdapat beberapa kekangan namun boleh ditambah baik. Mungkin senario pembelajaran di sini berbeza dengan universiti konvensional atau universiti yang berkampus di mana hampir keseluruhan pelajar berada di dalam kampus dengan lokasi bilik kuliah, dewan kuliah, makmal dan sebagainya berada berhampiran dengan mereka. Tetapi KUKUM yang berkonsepkan Kampus Teragih (Distributed Campus) dengan lokasi penempatan pelajar, dewan kuliah, makmal dan sebagainya berselerak dan jauh, memerlukan pelajar bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi dengan menaiki bas. Oleh itu, mungkin masa perjalanan yang digunakan oleh pelajar untuk bergerak memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Ini memandangkan KUKUM yang masih belum mempunyai kampus tetap yang dapat menempatkan semua kemudahan ini. Walaubagaimanapun pihak pengurusan universiti telah berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan pergerakan ini. Sebagai contoh dengan mengaturkan jadual waktu supaya pelajar akan berada semaksimum mungkin di satu tempat atau lokasi. Untuk tujuan itu, pelajar sentiasa dinasihati dan diberi bimbingan supaya mereka bijak menjaga dan mengurus waktu atau masa mereka dengan baik supaya mereka dapat menjaga waktu-waktu kuliah dengan tepat. Walaupun mereka terpaksa banyak bergerak tetapi sekurang-kurangnya keperibadian mereka akan terbentuk melalui pengurusan masa yang baik.

Begitu juga mungkin dari segi yang lain adalah kekurangan peralatan. Sebenarnya sejak KUKUM ditubuhkan lagi, telah menjadi dasar bahawa setiap subjek perlu diikuti dengan sesi makmal. Maka pihak pengurusan universiti telah berusaha sedaya upaya membekalkan atau menyediakan dan membangunkan makmal-makmal baru. Pada pandangan saya, pelajar KUKUM lebih bertuah kerana apabila makmal baru dibangunkan, pasti

peralatan makmal tersebut adalah baru dan seiring dengan teknologi-teknologi terkini. Mungkin kalau dari segi bilangan agak berkurangan tetapi mereka dapat menggunakan peralatan-peralatan yang baru dan terkini. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa kita sentiasa sedaya upaya berusaha untuk membekalkan peralatan-peralatan makmal sebelum pelajar-pelajar mula menggunakannya. Namun tidak dinafikan kadang kala ada jugak berlaku sedikit kekurangan atas sebab kelewatan peralatan tersebut sampai.



"Malangnya semangat ini didapati luntur apabila bilangan staf semakin ramai..."

Begitu juga sebagai sebuah unversiti baru, masalah kekurangan pensyarah-pensyarah atau tenaga akademik yang mahir memang timbul. Pensyarah-pensyarah pakar juga berkurangan. Jadi kita telah berusaha mengambil tenaga pakar dari luar untuk bekerja dan memberi kuliah di sini. Alhamdulillah sehingga kini kita telah mempunyai beberapa orang Profesor dari dalam dan luar yang akan menyumbang tenaga dan usaha mereka kepada proses pengajaran dan pembelajaran di KUKUM. Mungkin pada peringkat awal penubuhan, sebagaimana yang telah saya terangkan, PPK Mekatronik hanya ada dua orang pensyarah dan tiga orang PLV, tetapi sekarang ini kita telah ada seramai 10 orang pensyarah termasuk tiga orang berjawatan Profesor dan Profesor Madya. Dengan itu saya yakin semakin ramai pensyarah atau kakitangan akademik atau pakar yang akan turut sama di KUKUM ini akan memberikan kebaikan kepada pelajar-pelajar di KUKUM dalam proses membangunkan pengajaran dan pembelajaran.

Bagimanakah En. Zol melihat sikap dan prestasi pelajar-pelajar PPK Mekatronik khususnya dalam aspek penguasaan ilmu. Apakah dapat mencapai sasaran dan hasrat kerajaan untuk melahirkan 137 ribu orang jurutera mahir, berpengetahuan tinggi dan kompeten pada masa akan datang?

Alhamdulillah, di PPK Mekatronik yang saya terajui ini, saya dapat melihat bahawa sikap dan prestasi pelajar-pelajar secara keseluruhannya amat baik.

Mereka mempunyai sikap yang positif dan proaktif dalam aspek pembelajaran. Namun kita tidak menafikan memang terdapat segelintir pelajar yang mendapat pencapaian yang agak rendah tetapi rata-rata pelajar ini mendapat pencapaian yang kita katakan baik dan cemerlang. Jadi ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap dan prestasi yang positif khususnya dalam aspek penguasaan ilmu. Walaupun mereka merupakan pelajar-pelajar baru khususnya dari lepasan STPM dan matrikulasi yang belum pernah didedahkan dengan subjek kejuruteraan namun mereka tekun mendapatkan ilmu kejuruteraan dan mereka begitu kompeten, proaktif dan positif dalam menguasai dan mengejar ilmu yang diajari. Lebih-lebih lagi apabila kita lihat dalam sesi makmal, mereka begitu tekun dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan kerja yang memerlukan kemahiran.

Sekiranya sikap positif ini berterusan, saya yakin pelajar-pelajar ini, khususnya pelajar-pelajar dari PPK Mekatronik akan menjadi jurutera-jurutera mahir dan akan memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan sehingga 137 ribu jurutera mahir, yang berpengetahuan dan kompeten untuk membangunkan negara dengan menggunakan kemahiran mereka. Saya begitu yakin hasrat kerajaan dapat dicapai khususnya dengan adanya graduan daripada PPK Mekatronik dan KUKUM yang telah didedahkan dengan pengalaman atau kemahiran-kemahiran sebagai seorang jurutera yang mempunyai pengetahuan tinggi dan mempunyai ciri-ciri yang cemerlang. Maka akan lahir generasi-generasi yang akan memenuhi keperluan-keperluan jurutera mahir sebagaimana hasrat tersebut.

Apakah pendekatan yang digunakan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar itu sendiri?

Sebagaimana yang kita maklum bahawa pendekatan yang digunakan dalam pengajaran pembelajaran di KUKUM ini adalah pendekatan lab intensive. Dengan kata lain bagi setiap subjek teras kejuruteraan yang diajar, pelajar akan melaksanakan ujikaji di makmal berdasarkan teori yang telah dipelajari. Jika kita lihat aturan jadual waktu bagi pelajar, bagi sesuatu subjek teras, dimulakan dua jam kuliah di mana pelajar akan didedahkan dengan teori-teori, diikuti oleh dua jam amali di mana dalam sesi amali ini pelajar akan melaksanakan kerja-kerja yang telah ditentukan dan amali tersebut akan dapat membuktikan atau menerangkan dengan lebih jelas teori yang dipelajari. Kemudian diikuti satu jam lagi sesi kuliah yang lebih berupa kepada penerangan, maklum balas atau perbincangan tentang amali yang telah dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memastikan adakah amali tersebut telah dapat memenuhi atau memberi kefahaman kepada pelajar tentang teori yang dipelajari. Jadi pendekatan ini adalah supaya pelajar yang telah didedahkan dengan teori mereka dapat merealisasikan dalam keadaan yang sebenar semasa mereka menjalankan sesi amali dan ini sekali gus dapat menambah kefahaman mereka tentang teori yang diajar. Jadi secara tak langsung telah meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kadang-kadang kita lihat berbanding dengan kaedah-kaedah lain yang mana pelajar hanya diajar secara teori sahaja tanpa didedahkan dengan amali dan praktikal pencapaian dan kefahaman mereka kurang berbanding dengan pelajar yang didedahkan dengan teori dan amali. Jadi kita amat yakin bahawa kaedah ini akan meningkatkan pencapaian pelajar dan dengan kata lain akan meningkatkan kefahaman pelajar bagi sesuatu subjek yang dipelajari.

Selain daripada pendekatan pengajaran dan pembelajaran, kita juga telah mengadakan beberapa pendekatan lain bagi meningkatkan prestasi pelajar tetapi lebih kepada pendekatan psikologi atau secara dalaman. Terdapat dua program iaitu program Rakan Pembimbing Siswa (RPS) dan juga Penasihat Akademik. Melalui program RPS ini pensyarah atau staf akademik akan menjadi rakan pembimbing pelajar. Pelajar-pelajar bagi seseorang RPS dipilih dari sesebuah kolej kediaman dan RPS akan sering bersama mereka dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Dengan kata lain program RPS diharap dapat menimbulkan satu perasaan kepada pelajar bahawa kolej kediaman itu adalah miliknya dan begitu juga dengan RPS yang akan merasakan pelajar yang dibawahnya adalah miliknya. Lebih-lebih lagi RPS ini akan menjadi role model kepada pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam aspek sahsiah dan sebagainya. Sekiranya program RPS ini dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna maka pelajar akan mempunyai hubungan yang rapat dan terus kepada RPS dan secara tak langsung RPS akan terus membimbing mereka dari segi akademik, sahsiah, akhlak dan sebagainya. Kita bukan sekadar hendak membangunkan pelajar yang cemerlang akademiknya tetapi juga membangunkan pelajar-pelajar yang juga cemerlang sahsiah dan pemikirannya. Secara tak langsung seseorang pelajar yang cemerlang diluar akademik sebenarnya juga berpotensi untuk cemerlang dalam akademik.

Seterusnya kita juga mengadakan program penasihat pelajar yang lebih kepada menasihati pelajar dalam bidang akademik. Program Penasihat Akademik akan memberikan nasihat dan pandangan kepada pelajar yang bermasalah agar pencapaian akademik pelajar tersebut meningkat. Begitu juga pelajar dinasihat untuk merangka perjalanan pengajiannya selama berada di KUKUM.

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran, apakah aktiviti/program yang dijalankan oleh PPK Mekatronik?

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran, PPK Mekatronik juga mengadakan beberapa aktiviti yang bukan sekadar untuk pelajar tetapi juga untuk staf yang mana secara keseluruhannya kita mengharapkan aktiviti-aktiviti ini adalah untuk meningkatkan pencapaian prestasi akademik pelajar. Antara contohnya ialah kita telah menubuhkan Kelab Mekatronik, khusus bagi pelajar-pelajar yang berada di PPK Mekatronik. Penubuhan kelab ini bertujuan untuk membimbing pelajar menguruskan sesuatu organisasi, di mana dalam organisasi tersebut mereka boleh melaksanakan berbagai aktiviti. Secara tidak langsung pelajar yang terlibat sebagai pemimpin dan ahli jawatankuasa, berpotensi menjadi pemimpin bagi sesebuah organisasi dan mereka juga mampu untuk menguruskan sesuatu aktiviti, malahan pelajar juga berjaya membentuk satu pasukan kerja dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Penubuhan kelab juga membuka peluang kepada pelajar untuk berinteraksi sesama sendiri. Di samping itu Kelab Mekatronik juga telah membangunkan laman web Kelab Mekatronik di mana laman web ini akan menjadi platform untuk pelajar berinteraksi.

Antara aktiviti lain yang pernah kita anjurkan di PPK ini ialah program jati diri pelajar yang telah diadakan di Kem Rimba Taqwa, Sik Kedah. Program ini juga telah dapat membantu membina jati diri pelajar. Memang kita dapati setelah pelajar menghadiri program ini mereka tidak lagi kelihatan berkeluh kesah dan dapat menghadapi

rintang dalam proses pembelajaran di KUKUM. Aktiviti seterusnya adalah pertandingan reka cipta robot yang melibatkan penyertaan pelajar-pelajar pusat-pusat pengajian KUKUM. Walaupun pelajar belum diajar prinsip-prinsip asas robot tetapi mereka begitu komited untuk menghasilkan reka cipta. Daripada pertandingan dan aktiviti sebegini kita dapati bahawa pelajar KUKUM sebenarnya sangat kreatif dan inovatif yang mana mereka berjaya merekacipta robot-robot line follower yang sebegini rupa walaupun dengan asas pengetahuan yang amat sedikit.



Kejayaan beberapa pensyarah KUKUM memenangi anugerah dalam bidang penyelidikan merupakan perkembangan positif dalam usaha KUKUM meletakkan nama sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia. Dalam hal ini bagaimanakah En. Zol melihat akan peranan yang dapat dimainkan oleh PPK Mekatronik ini untuk turut serta merencanakan lagi arena penyelidikan di KUKUM ini?

Kita lihat sekarang bahawa KUKUM telah berjaya memenangi beberapa anugerah dalam bidang penyelidikan dan ini merupakan perkembangan positif. KUKUM telah membangunkan tujuh gugusan penyelidikan yang mana PPK Mekatronik terlibat secara langsung dalam beberapa gugusan tersebut. Buat masa ini, pensyarah-pensyarah atau penyelidik boleh menjalankan penyelidikan dalam mana-mana bidang gugusan. Dengan kata lain pensyarah daripada PPK ini juga berupaya untuk melaksanakan penyelidikan dalam gugusan yang bersesuaian dengan bidang mereka. Kehadiran beberapa orang pensyarah berjawatan Profesor dan Profesor Madya ke PP ini juga telah merencanakan usaha melaksanakan penyelidikan. Seterusnya PP Mekatronik menyediakan kepakaran untuk membantu penyelidik lain mendapatkan khidmat dan nasihat dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan PP ini. Di samping itu, pensyarah dari PP ini juga akan mengemblem tenaga melaksanakan penyelidikan dengan pensyarah PP lain bagi penyelidikan yang bersifat multidisiplinary atau interdisiplinary.

Merealisasikan Aspirasi Negara dan Menyumbang ke arah ketamaduan dunia menjadi misi KUKUM dalam usaha membangunkan sebuah menara ilmu. Dalam konteks ini bagaimanakah En. Zol melihat keupayaan para pelajar KUKUM dalam menghadapi saingan pembelajaran yang semakin sengit kini bagi merealisasikan misi tersebut serta harapan terhadap mereka?

Secara amnya kita sedar bahawa dalam era globalisasi yang mana melibatkan semua ruang dan bidang, cabaran era globalisasi ini sangat

hebat. Pelajar tidak dapat lari daripada persaingan dalam aspek penguasaan ilmu. Jadi pada pandangan saya pelajar di KUKUM perlu bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menghadapi saingan pembelajaran yang sengit. Kita lihat kini semakin ramai pelajar yang pandai tetapi ruang pembelajaran terhad. Begitu juga ramai graduan yang berjaya tetapi peluang pekerjaan juga terhad. Jadi ini merupakan satu cabaran kepada pelajar-pelajar. Saya merasakan bahawa, pertama pelajar perlu mengubah sikap dan minda mereka kepada yang lebih positif dan proaktif dalam pembelajaran. Kini telah sampai masanya pelajar perlu meneroka sendiri ruang pembelajaran dan tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada pensyarah. Ini akan membentuk ketahanan atau jati diri kepada pelajar untuk mereka berdaya dan tidak mengharapkan subsidi. Sifat ini akan membolehkan mereka menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang.

Keduanya pula ialah bimbingan daripada staf akademik juga memainkan peranan yang penting yang mana pelajar perlu dibimbing untuk menghadapi era globalisasi. Pelajar perlu diberikan suntikan semangat dan motivasi supaya mereka bersedia menghadapi saingan pembelajaran. Secara amnya saya melihat sekiranya sikap pelajar dapat diubah dengan bimbingan, pelajar KUKUM akan berupaya merealisasikan MISI KUKUM untuk merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang ke arah ketamaduan dunia.

Apa pandangan dan harapan En. Zol terhadap staf umumnya?

Apabila PPK Mekatronik ini ditubuhkan pada Mac 2003 dengan bilangan staf hanya seramai lima orang dan saya melihat bahawa semua staf telah bertungkus lumus membangunkan PPK ini dan bersedia untuk mengambil pelajar sulung. Pada masa itu saya bertindak sebagai Dekan merangkap Penolong Pendaftar, Setiausaha, Kerani dan juga Pembantu Am Rendah. Saya melaksanakan semua kerja tersebut kerana tiada staf untuk melaksanakannya. Di sini juga saya dapati bahawa semua staf mempunyai satu semangat kerja berpasukan yang kuat. Dengan bilangan staf yang kecil telah dapat melaksanakan program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik) dengan baik dan berjaya.

Malangnya semangat ini didapati luntur apabila bilangan staf semakin ramai. Sesetengah kerja yang diberikan tidak dilaksanakan dengan alasan kerja tersebut bukan tugasnya, tetapi tugas seseorang yang lain. Oleh itu, semangat kerja berpasukan telah luntur. Suka saya menyatakan di sini, dengan bilangan staf yang kecil, kita akan merasakan bahawa PP ini adalah milik kita, maka kitalah yang perlu membangunkannya. Sebaliknya apabila staf semakin ramai perasaan ini telah tidak ada lagi. Pandangan saya ini bukan sekadar untuk PPK Mekatronik sahaja tetapi juga untuk KUKUM secara keseluruhannya. Saya dapat merasakan bagaimana pada awal penubuhan KUKUM dengan bilangan staf belasan orang telah berjaya membangunkan KUKUM dan melaksanakan dua program dalam masa dua bulan. Ini adalah kerana semua staf pada masa itu merasakan KUKUM itu adalah miliknya. Keadaan ini amat jauh berbeza dengan bilangan staf kita sekarang yang mencapai angka melebihi 560 orang. Jadi apa yang saya dan pihak pengurusan universiti harapkan agar kita kembali kepada semangat sebagaimana yang ada pada awal penubuhan KUKUM. Kita merasakan bahawa KUKUM ini adalah milik kita, tempat kita mencari rezeki dan perlulah kita melaksanakan segala kerja secara berpasukan, ikhlas dan bersungguh-sungguh.